



PENGOPERASIAN DAN PEMBANGUNAN WELLNESS HUB

Bahagian Pendidikan Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia



Agenda Nasional
Malaysia Sihat



WELLNESS
HUB

ISI KANDUNGAN

| BIL | TAJUK | |
|------------|--|-----------|
| 1.0 | LATAR BELAKANG | 3 |
| 2.0 | PENGOPERASIAN WELLNESS HUB | 5 |
| 2.1 | Klasifikasi Fasiliti dan Perkhidmatan Kesejahteraan Kesihatan Komuniti | 6 |
| 2.2 | Tadbir Urus Wellness Hub | |
| | 2.2.1 Carta Organisasi Wellness Hub Negeri | 7 |
| | 2.2.2 Carta Organisasi Wellness Hub Daerah | 8 |
| | 2.2.3 Carta Jawatankuasa Komuniti Wellness Hub | 8 |
| | 2.2.4 Peranan dan Tanggungjawab | 9 |
| 2.3 | Tawaran Pakej Perkhidmatan Wellness Hub | |
| | 2.3.1 Tawaran Pakej Perkhidmatan Wellness Hub | 13 |
| | 2.3.2 Tawaran Pakej Perkhidmatan Wellness Corner | 15 |
| 2.4 | Sistem Rujukan Klien Wellness Hub | |
| | 2.4.1 Sumber Rujukan Klien Wellness Hub | 17 |
| | 2.4.2 Carta Alir Pengurusan Klien di Wellness Hub | 18 |
| 2.5 | Pencapaian Reten dan KPI Wellness Hub | |
| | 2.5.1 Reten Bulanan Wellness Hub | 19 |
| | 2.5.2 <i>Key Performance Indicator</i> Wellness Hub | 19 |
| | 2.5.3 <i>Key Performance Indicator</i> Program Pengurusan Berat Badan (IFitEr) | 19 |
| 2.6 | Pemantauan dan Penilaian Wellness Hub | |
| | 2.6.1 Objektif Pemantauan dan Penilaian | 20 |
| | 2.6.2 Komponen Pemantauan dan Penilaian | 20 |
| 3.0 | PEMBANGUNAN WELLNESS HUB | 21 |
| 3.1 | Prosedur Permohonan Pembangunan Wellness Hub | 21 |
| 3.2 | Peruntukan Pembangunan | 22 |
| 3.3 | Proses Permohonan Projek Wellness Hub | 22 |
| 3.4 | Kaedah Permohonan Projek RMKe-12 | 23 |
| 3.5 | Kaedah Permohonan Projek Naik Taraf BP00600 (BP6) | 23 |
| 3.6 | Carta Alir Permohonan | 24 |
| 3.7 | Komponen Pemantauan dan Penilaian Projek Pembangunan | 25 |
| 4.0 | PENUTUP | 26 |

1.0 LATAR BELAKANG

Budaya hidup sihat yang melibatkan tingkah laku kesihatan seperti amalan hidup aktif, pemakanan yang sihat dan selamat, amalan tidak merokok serta penjagaan kesihatan mental adalah amat penting bagi meningkatkan imuniti badan (*lifestyle immunity*) dan penuaan sihat (*healthy ageing*) rakyat Malaysia. Walau bagaimanapun, Indeks Cara Hidup Sihat Malaysia 2022 melaporkan hanya 1 daripada 5 rakyat Malaysia mengamalkan pembudayaan hidup sihat.

Di Malaysia, sebanyak 73% punca kematian adalah disebabkan oleh penyakit akibat pembudayaan hidup tidak sihat (NCD) (WHO, 2022). Kebarangkalian kematian pramatang dalam kalangan rakyat Malaysia akibat NCD adalah 18% iaitu lebih tinggi daripada negara jiran seperti Thailand (14%) dan Singapura (9%).

Laporan World Health Organisation (2022) (*Direct Health-care Cost of Noncommunicable Diseases in Malaysia*) menganggarkan perbelanjaan negara bagi kos rawatan dan penjagaan kesihatan akibat kemasukan ke hospital, perubatan dan konsultasi kesihatan primer bagi NCD, khususnya penyakit kardiovaskular, diabetes dan kanser adalah sebanyak RM9.65 bilion setiap tahun.

Sebagai contoh, kerajaan terpaksa menanggung kos rawatan bagi seorang pesakit diabetes sehingga RM667.57 (bagi pesakit luar) atau RM28,641.32 (bagi pesakit dalam) dalam setahun (*Review of the Economic Burden of Type 2 Diabetes in Malaysia, 2020*).



Budaya hidup sihat dan persekitaran yang menyokong kesejahteraan kesihatan penting dalam meningkatkan imuniti badan dan penuaan sihat

Berdasarkan Tinjauan Kesihatan Remaja 2022, dilaporkan 1 daripada 3 remaja berlebihan berat badan/ obes, 4 daripada 5 adalah tidak aktif secara fizikal, 2 daripada 3 mengamalkan aktiviti sedentari, 1 daripada 4 remaja mengalami kemurungan, 1 daripada 8 pernah terfikir untuk membunuh diri, 1 daripada 10 pernah mencuba untuk membunuh diri, 14.9% menggunakan rokok elektronik/ vape dan 6.2% menggunakan rokok (NHMS, 2022).

Justeru, usaha memperkasa rakyat dari segi kemahiran kesihatan sendiri perlu dipertingkatkan bagi mengurangkan faktor risiko penyakit seperti melakukan penilaian faktor risiko kesihatan, saringan kesihatan, amalan hidup aktif, pengurusan berat badan, amalan pemakanan sihat, berhenti merokok, penjagaan dan terapi kesihatan mental. Ini bertujuan untuk membina kerentanan terhadap tingkah laku tidak sihat (*resilience towards unhealthy behaviours*) pada masa akan datang. Budaya hidup sihat perlu diberi perhatian agar rakyat Malaysia dapat menjalani fasa penuaan sihat (*healthy ageing*) dan usia emas mereka tidak dihabiskan dengan beban penyakit yang tinggi serta kualiti hidup yang rendah.



2.0 PENGOPERASIAN WELLNESS HUB

Wellness Hub merupakan pusat sehenti (*one stop centre*) yang menawarkan perkhidmatan kesejahteraan dan kesihatan yang komprehensif dan bersepadu kepada komuniti setempat. Ia selari dengan halatuju Kementerian Kesihatan Malaysia untuk beralih daripada “Sick Care” kepada “Health Care” agar individu berkemahiran dalam penjagaan kesejahteraan kesihatan diri, keluarga dan komuniti.

Pelaksanaan aktiviti di Wellness Hub menyokong Teras 2 di bawah Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) bagi memperluaskan perkhidmatan kesejahteraan dan kesihatan kepada komuniti. Penstrukturan ini turut menyokong kepada Kertas Putih Kesihatan (*Health White Paper – HWP*) yang memerlukan perubahan sistem kesihatan negara ke arah pencegahan faktor risiko penyakit akibat peningkatan beban penyakit tidak berjangkit dan kos penjagaan kesihatan kepada kerajaan.

Wellness Hub telah didaftarkan dalam Pusat Informatik Kesihatan dengan menggunakan kod nama Pusat Perkhidmatan Kesejahteraan Kesihatan (Wellness Hub). **Pembangunan dan pengoperasian Wellness Hub di seluruh negara dikawal selia oleh Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM.** Cawangan/ Unit Promosi Kesihatan Negeri dan daerah merancang, melaksana dan memantau pakej aktiviti/ intervensi modifikasi tingkah laku kesihatan serta memperkasa komuniti setempat agar mencapai *Key Performance Indicators (KPI)* yang ditetapkan.




2.1 Klasifikasi Fasiliti dan Perkhidmatan Kesejahteraan Kesihatan Komuniti

| KATEGORI | KRITERIA |
|-----------------|---|
| Wellness Hub | <ul style="list-style-type: none">Wellness Hub beroperasi dengan menawarkan pakej perkhidmatan kesejahteraan kesihatan secara komprehensif menerusi intervensi modifikasi tingkah laku kesihatan.Mempunyai waran perjawatan Pegawai Pendidikan Kesihatan dan disokong oleh pasukan khusus (<i>dedicated team</i>) di Wellness Hub. |
| Wellness Corner | <ul style="list-style-type: none">Wellnes Corner beroperasi dengan menawarkan pakej perkhidmatan kesejahteraan kesihatan yang minimum.Seorang Pegawai Pendidikan Kesihatan di JKN/ Pejabat Kesihatan Daerah/ Bahagian/ Kawasan bertanggungjawab dalam menyelaras perkhidmatan kesejahteraan kesihatan di Wellness Hub. |


2.2 Tadbir Urus Wellness Hub

Tadbir urus Wellness Hub dalam dokumen ini merujuk kepada fasiliti dan perkhidmatan Wellness Hub yang meliputi carta organisasi, peranan, tanggungjawab, pakej perkhidmatan, *Key Performance Indicator* (KPI), pemantauan dan penilaian Wellness Hub.


2.2.1 Carta Organisasi Wellness Hub Negeri



2.2.2 Carta Organisasi Wellness Hub Daerah



2.2.3 Carta Jawatankuasa Komuniti Wellness Hub



2.2.4 Peranan dan Tanggungjawab

| BIL. | JAWATAN | PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB |
|------|--|--|
| 1. | Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam) | a. Meneliti dan memberi khidmat nasihat mengenai pengoperasian serta pembangunan Wellness Hub peringkat negeri. |
| 2. | Ketua Cawangan /Unit Promosi Kesihatan Negeri | <p>a. Kawal selia pengoperasian Wellness Hub di peringkat negeri dan daerah termasuk menilai prestasi kerja Pegawai Pendidikan Kesihatan yang ditempatkan di Wellness Hub.</p> <p>b. Merancang pembangunan Wellness Hub di peringkat negeri dan daerah serta mengemukakan permohonan pembangunan kepada projek pembangunan negeri dan Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM.</p> <p>c. Melaksanakan pemantauan dan penilaian Wellness Hub secara berjadual di peringkat negeri bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kesejahteraan, pengurusan sumber manusia dan kewangan serta sistem rujukan dilaksanakan seperti dalam garis panduan secara berkesan.</p> <p>d. Mengesahkan laporan pencapaian termasuk reten Wellness Hub sebelum dihantar ke ibu pejabat.</p> <p>e. Membentangkan perancangan, pencapaian dan hala tuju Wellness Hub peringkat negeri dan daerah dalam mesyuarat yang dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (KA).</p> |
| 3. | Pegawai Kesihatan Daerah/ Bahagian/ Kawasan | <p>a. Meneliti dan menyokong cadangan pembangunan, serta perluasan Wellness Hub di peringkat daerah.</p> <p>b. Mengemukakan permohonan pembangunan Wellness Hub di peringkat daerah kepada Cawangan/Unit Promosi Kesihatan Negeri.</p> |
| 4. | Pegawai Pendidikan Kesihatan S48 atau S44 di Unit Pendidikan Kesihatan Daerah/ Bahagian/ Kawasan | <p>a. Mencadangkan pembangunan dan perluasan Wellness Hub di peringkat daerah.</p> <p>b. Menjalankan diagnosa komuniti bagi mengenalpasti keperluan pengoperasian Wellness Hub kepada komuniti setempat.</p> <p>c. Mewujudkan sistem rujukan klien ke Wellness Hub daripada Klinik Kesihatan berdekatan dan agensi luar serta melalui aktiviti jangkau luar.</p> |

| BIL. | JAWATAN | PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB |
|------|---|--|
| | | <ul style="list-style-type: none">d. Bekerjasama dengan Pegawai Pendidikan Kesihatan di Wellness Hub dalam merancang dan melaksana aktiviti bina upaya kepada MyCHAMPION supaya menjadi ejen sukarelawan di Wellness Hub.e. Bekerjasama dengan Pegawai Pendidikan Kesihatan di Wellness Hub dalam libat urus rakan strategik bagi memantapkan pakej perkhidmatan Wellness Hub. |
| 5. | Pegawai Pendidikan Kesihatan Di Wellness Hub | |
| 5.1 | Pegawai Pendidikan Kesihatan (S48 atau S44) Penyelaras Wellness Hub | <ul style="list-style-type: none">a. Melaksanakan diagnosa komuniti dan kajian pasaran bagi mengenal pasti isu kesihatan, keperluan perkhidmatan dan tingkah laku kesihatan komuniti setempat.b. Menyediakan pakej perkhidmatan kesejahteraan yang bersesuaian kepada komuniti berpandukan analisa diagnosa komuniti dan kajian pasaran.c. Memantapkan sistem rujukan klien ke Wellness Hub dari klinik berdekatan dan agensi luar serta melalui aktiviti jangkau luar.d. Menjalankan libat urus dan advokasi dengan rakan strategik dan komuniti dalam perluasan pakej perkhidmatan yang bersasar dan berterusan kepada klien Wellness Hub.e. Merancang dan melaksana aktiviti bina upaya kepada MyCHAMPION supaya menjadi agen sukarelawan di Wellness Hub dan terlibat dalam aktiviti pembudayaan hidup sihat bagi mewujudkan persekitaran yang menyokong kesihatan.f. Memantau, menilai, menganalisa pencapaian Wellness Hub bagi memastikan penyampaian perkhidmatan dan perbelanjaan kewangan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta dibentangkan dalam mesyuarat peringkat negeri dan daerah.g. Membantu melaksanakan analisa tingkah laku dan faktor risiko kesihatan klien yang hadir ke Wellness Hub dan membuat preskripsi tingkah laku serta intervensi modifikasi tingkah laku. |

| BIL. | JAWATAN | PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB |
|--|--|---|
| 5.2 | Pegawai Pendidikan Kesihatan (S41/S44) | <ul style="list-style-type: none"> a. Melaksanakan analisa tingkah laku dan faktor risiko kesihatan klien yang hadir ke Wellness Hub dan membuat preskripsi tingkah laku dan intervensi modifikasi tingkah laku. b. Melaksanakan pakej perkhidmatan kesejahteraan dan intervensi secara bersasar kepada klien bersama rakan strategik. c. Menjalankan penilaian pra dan pasca pakej perkhidmatan kesejahteraan dan intervensi klien. d. Bekerjasama dengan Jawatankuasa Komuniti dalam penyampaian perkhidmatan Wellness Hub. e. Menyediakan retan dan laporan pencapaian KPI mengikut tempoh yang ditetapkan. |
| 5.3 | Pasukan Khusus (<i>Dedicated Team</i>) | <ul style="list-style-type: none"> a. Mengendali aktiviti kesejahteraan kesihatan yang berkaitan dengan bidang kerja masing-masing. b. Membantu sesi pendidikan/khidmat nasihat dan tunjuk ajar kepada klien Wellness Hub. c. Menganalisa pencapaian perkhidmatan bersama Pegawai Pendidikan Kesihatan di Wellness Hub untuk penambahbaikan perkhidmatan. |
| 6. Jawatankuasa Komuniti Wellness Hub | | |
| 6.1 | Pengerusi / Timbalan Pengerusi | <ul style="list-style-type: none"> a. Mempengerusi mesyuarat pelaksanaan program atau aktiviti anjuran jawatankuasa komuniti Wellness Hub. b. Bekerjasama dengan Unit Promosi Kesihatan Daerah/ Bahagian/ Kawasan dan penyelarass Wellness Hub dalam pelaksanaan aktiviti dari semasa ke semasa. c. Bertanggungjawab dalam perancangan gerak kerja jawatankuasa. d. Menjadi jurucakap/ pempengaruh komuniti dalam membudayakan hidup sihat. |
| 6.2 | Setiausaha | <ul style="list-style-type: none"> a. Menguruskan jadual mesyuarat, surat menyurat dan menghebahkan maklumat berkaitan aktiviti jawatankuasa. b. Menyediakan minit mesyuarat serta mengambil tindakan susulan daripada hasil mesyuarat. c. Bertanggungjawab menyediakan perancangan aktiviti dan laporan aktiviti secara berkala. |

| BIL. | JAWATAN | PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB |
|-------------|--|--|
| 6.3 | Ahli Jawatankuasa Program & Aktiviti | <ul style="list-style-type: none">a. Membantu menjalankan program/ aktiviti di komuniti dan Wellness Hub.b. Membantu pelaksanaan sesi latihan/bina upaya kepada komuniti dan MyCHAMPION dalam kemahiran cara hidup sihat.c. Menyedia dan melaporkan status pelaksanaan program dan aktiviti kepada jawatankuasa. |
| 6.4 | Ahli Jawatankuasa Promosi, Libat Urus dan Advokasi | <ul style="list-style-type: none">a. Membantu menyediakan pelan pelaksanaan aktiviti promosi, libat urus dan advokasi bersama pemimpin komuniti, rakan strategik dan Wellness Hub.b. Membantu melaksana aktiviti promosi, libat urus dan advokasi bersama pemimpin komuniti dan rakan strategik dan Wellness Hub.c. Menyedia dan melaporkan status pelaksanaan promosi, libat urus dan advokasi kepada jawatankuasa. |

2.3 Tawaran Pakej Perkhidmatan Wellness Hub

Wellness Hub menyediakan perkhidmatan kesihatan yang dapat meningkatkan kemahiran dan menggalakkan perubahan tingkah laku hidup sihat melalui pembinaan kemahiran (*skill oriented*). Antara perkhidmatan yang disediakan di Wellness Hub adalah seperti berikut:

2.3.1 Tawaran Pakej Perkhidmatan Wellness Hub

| BIL. | PAKEJ PERKHIDMATAN (TERAS) |
|---|---|
| 1. Penilaian Faktor Risiko Kesihatan | <ul style="list-style-type: none"> a. Penilaian Tingkah Laku & Preskripsi Budaya Hidup Sihat b. Saringan Kesihatan c. Ujian Kecergasan d. Program Kesihatan Pergigian (Elektif) |
| 2. Perkhidmatan Berhenti Merokok | <ul style="list-style-type: none"> a. Saringan Paru-paru dan Ketagihan Rokok b. Kemahiran Pencegahan Ketagihan Rokok c. Modifikasi Tingkah Laku |
| 3. Pengurusan Berat Badan: IFitEr (I Fit and Eat Right) | <ul style="list-style-type: none"> • Ujian Kecergasan • Preskripsi dan Pelan Senaman • Modifikasi Tingkah Laku Kesihatan • Runding Cara Hidup Sihat |
| 4. Runding Cara Budaya Hidup Sihat | <ul style="list-style-type: none"> • Intervensi Pengurusan Berat Badan • Intervensi Berhenti Merokok • Intervensi Senaman Dan Kecergasan |
| 5. Kekal Aktif | <ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti Fizikal Berstruktur • Teknik X-Break • Terapi Senaman • Pengaktifan BookDoc & Pencapaian Tier |
| 6. Wellness Studio/ Gimnasium | <ul style="list-style-type: none"> • Facebook Live • Tik Tok Live • Bual Bicara Santai • DJ Corner • Rakaman Program/ Aktiviti (Webinar) |
| 7. Galeri Infosihat | <ul style="list-style-type: none"> • Permainan Interaktif • Bahan Media Digital • Sudut Resilien |

| BIL. | PAKEJ PERKHIDMATAN (SOKONGAN) |
|---|--|
| 1. Resilien | <ul style="list-style-type: none"> • Keperluan Asas (<i>basic</i>) • Kepunyaan (<i>belonging</i>) • Daya Tindak (<i>coping</i>) • Pembelajaran (<i>learning</i>) • Asas kepercayaan dalaman (<i>core self</i>) |
| 2. Sokongan Kesejahteraan | <ul style="list-style-type: none"> • Cegah Jatuh Warga Emas • Sokongan Sosial • Diet Sihat • Kesukarelawan • Kenali Ubat Anda |
| 3. My Green Hands | <ul style="list-style-type: none"> • Tanaman Herba & Sayuran Hijau • Pertanian Bandar (Hidroponik) • Gubahan Bunga Hidup • Program Kitar Semula |
| 4. Seni & Kreatif | <ul style="list-style-type: none"> • Kraftangan • Rekacipta • Jahitan • Tarian & Muzik • Tatarias • Melukis |
| 5. Bicara Sihat berkaitan Kesejahteraan dan Kesihatan | <ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti Fizikal • Minda Sihat • Pemakanan Sihat • Berhenti Merokok • Keselamatan Makanan • Kesihatan Pergigian • Kenali Ubat Anda |
| 6. Ejen kesihatan komuniti melalui MyCHAMPION | <ul style="list-style-type: none"> • Profil komuniti • Bina Upaya kepada komuniti • Jurucakap Komuniti • Pemerksaan Komuniti <ul style="list-style-type: none"> - Libat Urus Rakan Strategik - Jangkau Luar |

2.3.2 Tawaran Pakej Perkhidmatan Wellness Corner


| BIL. | PAKEJ PERKHIDMATAN (TERAS) |
|---|--|
| 1. Penilaian Faktor Risiko Kesihatan | <ul style="list-style-type: none"> • Penilaian Tingkah Laku & Preskripsi Budaya Hidup Sihat • Saringan Kesihatan • Ujian Kecergasan • Elektif (Program Kesihatan Pergigian) |
| 2. Perkhidmatan Berhenti Merokok | <ul style="list-style-type: none"> • Saringan paru-paru dan Ketagihan Rokok • Kemahiran Pencegahan Ketagihan Rokok • Modifikasi Tingkah Laku |
| 3. Pengurusan Berat Badan: IFitEr (I Fit and Eat Right) | <ul style="list-style-type: none"> • Ujian Kecergasan Preskripsi dan Pelan Senaman • Modifikasi Tingkah Laku Kesihatan • Runding Cara Hidup Sihat |
| 4. Kekal Aktif | <ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti Fizikal Berstruktur • Teknik X-Break • Terapi Senaman • Pengaktifan BookDoc & Pencapaian Tier |
| 5. Runding Cara Budaya Hidup Sihat | <ul style="list-style-type: none"> • Intervensi Pengurusan Berat Badan • Intervensi Berhenti Merokok • Intervensi Senaman Dan Kecergasan |
| 6. Bicara Sihat berkaitan Kesejahteraan dan Kesihatan | <ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti Fizikal • Minda Sihat • Pemakanan Sihat • Berhenti Merokok • Keselamatan Makanan • Kesihatan Pergigian • Kenali Ubat Anda |

PAKEJ PERHIDMATAN ELEKTIF (Sekurang-kurangnya 2)


- | | |
|---|--|
| 1. Resilien | <ul style="list-style-type: none">• Keperluan Asas (<i>basic</i>)• Kepunyaan (<i>belonging</i>)• Daya Tindak (<i>coping</i>)• Pembelajaran (<i>learning</i>)• Asas kepercayaan dalaman (<i>core self</i>) |
| 2. Sokongan Kesejahteraan | <ul style="list-style-type: none">• Cegah Jatuh Warga Emas• Sokongan Sosial• Diet Sihat• Kesukarelawan• Kenali Ubat Anda |
| 3. My Green Hands | <ul style="list-style-type: none">• Tanaman Herba & Sayuran Hijau• Pertanian Bandar (Hidroponik)• Gubahan Bunga Hidup |
| 4. Seni & Kreatif | <ul style="list-style-type: none">• Kraftangan• Reka cipta• Jahitan• Tarian & Muzik• Tatarias• Melukis |
| 5. Ejen kesihatan komuniti melalui MyCHAMPION | <ul style="list-style-type: none">• Profil komuniti• Bina Upaya kepada komuniti• Jurucakap Komuniti• Pemerksaan Komuniti<ul style="list-style-type: none">- Libat Urus Rakan Strategik- Jangkau Luar |
| 6. Wellness Studio/ Gimnasium | <ul style="list-style-type: none">• Facebook Live• Tik Tok Live• Bual Bicara Santai• DJ Corner• Rakaman Program/ Aktiviti (Webinar) |
| 7. Galeri Infosihat | <ul style="list-style-type: none">• Permainan Interaktif• Bahan Media Digital |

2.4 Sistem Rujukan Klien Wellness Hub

2.4.1 Sumber Rujukan Klien Wellness Hub



2.4.2 Carta Alir Pengurusan Klien di Wellness Hub



2.5 Pencapaian Reten dan KPI Wellness Hub

2.5.1 Reten Bulanan Wellness Hub

Perkhidmatan yang ditawarkan di Wellness Hub perlu direkodkan di dalam Reten Wellness Hub secara *online* pada setiap bulan ke Bahagian Pendidikan Kesihatan. Reten ini merangkumi profil klien beserta laporan aktiviti yang dijalankan oleh klien dan Wellness Hub.

2.5.2 Key Performance Indicator Wellness Hub

Dalam usaha Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk menjadikan rakyat Malaysia Sihat Sejahtera seiring dengan pembangunan negara bagi semua peringkat umur, jantina dan bangsa yang merangkumi kesihatan dan kesejahteraan fizikal dan mental, satu KPI Wellness Hub telah ditetapkan iaitu sasaran 70% rujukan klien baharu Wellness Hub dirujuk ke sekurang-kurangnya dua (2) Pakej Cara Hidup Sihat yang ditawarkan di Wellness Hub bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang optimum kepada klien Wellness Hub.

| | |
|--------------------------|--|
| Indikator | Peratus klien baharu Wellness Hub dirujuk ke sekurang-kurangnya dua (2) Pakej Cara Hidup Sihat |
| Numerator | Bilangan klien baharu Wellness Hub dirujuk sekurang-kurangnya dua (2) Pakej Cara Hidup Sihat pada tahun semasa |
| Denominator | Bilangan klien baharu Wellness Hub dalam tahun semasa |
| * Sasaran Tahunan | 70% |

*sasaran adalah tertakluk kepada perubahan KPI dari semasa ke semasa

2.5.3 Key Performance Indicator Program Pengurusan Berat Badan (IFitEr)

KPI ini menekankan sasaran Program Pengurusan Berat Badan (IFitEr) yang dijalankan di Wellness Hub.

| | |
|-------------------------|--|
| Indikator | Peratus peserta pengurusan berat badan IFitEr berjaya menurunkan sekurang-kurangnya 10% daripada berat badan asal selepas mengikuti program IFitEr di Wellness Hub |
| Numerator | Bilangan peserta Intervensi Pengurusan Berat Badan (IFitEr) berjaya menurunkan sekurang-kurangnya 10% daripada berat badan asal dalam tempoh intervensi. |
| Denominator | Bilangan peserta program pengurusan berat badan Wellness Hub yang kekal hingga akhir sesi |
| *Sasaran Tahunan | 12% |

*sasaran adalah tertakluk kepada perubahan KPI dari semasa ke semasa

2.6 Pemantauan dan Penilaian Wellness Hub

Wellness Hub merupakan salah satu inisiatif di bawah Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) di bawah Teras 2 iaitu perkhidmatan kesejahteraan menjadi keutamaan Kementerian Kesihatan Malaysia. Sehubungan itu, pemantauan dan penilaian Wellness Hub dijalankan dari masa ke semasa untuk memastikan kualiti penyampaian perkhidmatan dan kelestarian inisiatif ini.

2.6.1 Objektif Pemantauan dan Penilaian

Menilai penyampaian perkhidmatan Wellness Hub termasuk pengoperasian, pengurusan klien, tawaran perkhidmatan dan pelaporan aktiviti/intervensi bagi memastikan perkhidmatan yang ditawarkan dapat menambah baik kualiti kehidupan komuniti setempat.

2.6.2 Komponen Pemantauan dan Penilaian

| KOMPONEN | KRITERIA |
|--|--|
| Pengoperasian | <ul style="list-style-type: none"> • Tadbir Urus • Pengurusan Klien • Pengurusan Sumber Manusia • Pakej Perkhidmatan • Kompetensi Anggota Wellness Hub • Libat Urus • Inisiatif |
| Dokumentasi / Laporan / Reten Wellness Hub & IFitEr | <ul style="list-style-type: none"> • Tadbir Urus |
| Pengurusan | <ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan Kewangan • Pengurusan Aset Alih Kerajaan |
| Promosi Perkhidmatan Wellness Hub kepada Komuniti | <ul style="list-style-type: none"> • Program Jerayawara Luar • Wellness on Wheel (WoW) • Penggunaan Media |

3.0 PEMBANGUNAN WELLNESS HUB

3.1 Prosedur Permohonan Pembangunan Wellness Hub

Definisi Projek Pembangunan

| FRASA | DEFINISI |
|------------------------|--|
| Bina Baharu | <ul style="list-style-type: none">• Kerja-kerja pembinaan bangunan/infrastruktur baharu• Perolehan kelengkapan dan peralatan adalah secara pakej bagi melengkapkan fungsi bangunan/infrastruktur |
| Naik Taraf | <ul style="list-style-type: none">• Kerja menaik taraf fizikal bangunan/ infrastruktur sedia ada ke tahap yang lebih baik (termasuk membina bangunan tambahan)• Melibatkan kerja-kerja merubah struktur/ saiz sedia ada• Perolehan kelengkapan/ perabot dan peralatan adalah secara pakej bagi melengkapkan fungsi bangunan/ infrastruktur yang dinaik taraf |
| Ubah Suai | <ul style="list-style-type: none">• Kerja ubah suai bangunan/infrastruktur sedia ada yang tidak melibatkan perubahan struktur dan pertambahan aset seperti ubah suai dalaman bangunan• Perolehan kelengkapan dan peralatan adalah secara pakej bagi melengkapkan fungsi bangunan/infrastruktur yang diubah suai dan bukan penggantian peralatan sedia ada |
| Penyelenggaraan | <ul style="list-style-type: none">• Kerja penyelenggaraan aset/harta modal bagi mengesan, mencegah atau memperbaiki kerosakan/kecacatan supaya dapat berfungsi sepenuhnya atau sentiasa berada dalam keadaan baik/sempurna• Kerja penyelenggaraan tidak mengubah struktur asal bangunan/infrastruktur (cth: pendawaian semula) |

3.2 Peruntukan Pembangunan

Permohonan peruntukan pembangunan adalah melalui Bahagian Pendidikan Kesihatan menggunakan peruntukan Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS), Permohonan Projek Rolling Plan Ketiga (RP3), Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

3.3 Proses Permohonan Projek Wellness Hub

- a. Surat punca kuasa
- b. Surat permohonan projek dan penilaian teknikal
- c. Status tanah dan kelulusan penggunaan tanah untuk pembangunan, hak tapak pemilik dan kelulusan geran, keluasan tanah secara keseluruhan
- d. Surat syor roboh jika perlu
- e. Keharmonian ruang
- f. *Future planning*
- g. Borang Ringkasan Projek / Brif projek (Lampiran G)
- h. Jadual pelaksanaan kerja, BQ, dokumen ringkasan harga, keperluan terperinci kewangan dan butiran peralatan
- i. Pembentangan Permohonan Projek (Lampiran F)

3.4 Kaedah Permohonan Projek RMKe-12

Semua permohonan projek hendaklah dikemukakan secara online (e-permohonan) di dalam Sistem MyProjek dengan mengemukakan dokumen sokongan berikut sebagai lampiran:


- a. Borang Jadual Keperluan Ruang bagi projek fizikal binaan atau ubah suai
- b. Pengesahan brif projek oleh pengguna ruang dan agensi pelanggan
- c. Borang Penilaian Tapak dan Laporan Lawatan Tapak bagi projek bangunan
- d. Borang Permohonan Peralatan bagi projek perolehan peralatan
- e. Borang K/Borang 5A atau tanah atas nama PTP/badan berkanun Persekutuan
- f. *Logical Framework Matrix* dan *Creativity Index*

3.5 Kaedah Permohonan Projek BP 6 (Naik Taraf)

- a. PTJ wajib kemukakan permohonan melalui JKN masing-masing
- b. JKN perlu beri keutamaan kepada projek-projek yang telah disediakan laporan teknikal dari pihak JKR, BPK dan lain-lain
- c. Dokumen lengkap perlu disertakan:
 - i. Laporan Teknikal JKR / BPK / CA
 - ii. BQ/Spesifikasi & Kos Projek
 - iii. Surat Syor Roboh dari JKR (melibatkan struktur & kerja-kerja meroboh bangunan)
 - iv. Lain-lain dokumen sokongan (Contoh : Laporan Bomba)
 - v. Senarai projek yang lengkap dikemukakan untuk kelulusan KSU
- d. Bahagian Pembangunan akan mengeluarkan surat kelulusan tanpa waran peruntukan kepada JKN/PTJ
 - i. PTJ diberi masa 3 bulan untuk selesaikan proses sebut harga dan kemukakan jadual pelaksanaan kerja dan unjuran kewangan sebelum waran peruntukan diturunkan.
 - ii. Waran diturunkan selepas menerima keputusan sebut harga. Permohonan perlu melalui negeri dan dipanjangkan ke Bahagian Pendidikan Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia.



3.6 Carta Alir Proses Permohonan



3.7 Komponen Pemantauan dan Penilaian Projek Pembangunan

Objektif pemantauan dan penilaian ini adalah untuk menilai sama ada pengurusan projek naik taraf Wellness Hub telah dilaksanakan dengan teratur, cekap, berkesan dan berhemat selaras dengan objektif yang telah ditetapkan.

| KOMPONEN | | KRITERIA |
|--------------------------|--|---|
| Projek Naik Taraf | | Prestasi Pengurusan Projek: <ul style="list-style-type: none">• Pencapaian Output• Pencapaian Outcome Pengurusan Projek: <ul style="list-style-type: none">• Kaedah Perolehan• Pengurusan Dokumen Kontrak• Serahan Projek• Skop Kerja• Pembayaran• Penggunaan Wellness Hub yang dinaik taraf• Pengurusan Aset• Kutipan Hasil |

4.0 PENUTUP

Semua pihak yang terlibat perlulah mematuhi dan mengikut dokumen Pengoperasian dan Pembangunan Wellness Hub ini bagi memastikan pelaksanaan perkhidmatan Wellness Hub adalah mengikut piawaian yang ditetapkan dan pemantauan secara berterusan dapat dijalankan oleh Bahagian Pendidikan Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia.

